



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 25

10hb Disember 2009

*TAMBAHAN No. 140
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 432.

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

**PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(KUMBAHAN) 2009**

—————
SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN
—————

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Pemakaian
4. Pemberitahuan bagi punca baru pembuangan atau pelepasan kumbahan
5. Penyediaan dan pengendalian yang betul sistem pengolahan kumbahan
6. Orang yang berwibawa
7. Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan kumbahan
8. Lesen untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan kumbahan
9. Kaedah penganalisan dan pensampelan kumbahan
10. Pemantauan pembuangan kumbahan

Peraturan

11. Petunjuk pembuangan kumbahan
12. Larangan terhadap pembuangan kumbahan melalui pintasan
13. Tumpahan atau pembuangan yang tidak sengaja kumbahan
14. Larangan terhadap pembuangan enap cemar ke dalam perairan pedalaman atau perairan Malaysia
15. Sekatan pelupusan enap cemar ke atas tanah
16. Permohonan untuk melupuskan enap cemar ke atas tanah
17. Melaporkan perubahan dalam maklumat yang diberikan bagi maksud permohonan lesen
18. Pempameran lesen
19. Penerusan syarat-syarat dan sekatan yang ada sekiranya berlaku perubahan dalam penghunian
20. Penyenggaraan rekod
21. Latihan kakitangan
22. Penyediaan untuk pemeriksaan
23. Pemunya atau penghuni hendaklah memberikan bantuan semasa pemeriksaan
24. Fi lesen
25. Penepian fi
26. Penalti
27. Peruntukan pembatalan, peralihan dan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

JADUAL KETUJUH

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(KUMBAHAN) 2009

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 21, 24, 25 dan 51 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri setelah berunding dengan Majlis Kualiti Alam Sekeliling, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009**.

Tafsiran

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“enap cemar” ertinya apa-apa enapan zarah daripada sesuatu cecair, termasuk enapan yang terhasil daripada pengolahan fizikal, kimia, biologi atau pengolahan kumbahan yang lain;

“jurutera profesional” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [*Akta 138*];

“kumbahan” ertinya apa-apa pembuangan sisa cecair atau air buangan yang mengandungi jirim manusia, haiwan, domestik, atau zarah ampaian atau dalam keadaan larut, dan termasuk cecair yang mengandungi bahan kimia dalam keadaan larut sama ada dalam bentuk mentah, terolah atau separa terolah;

“lesen” ertinya lesen yang disebut dalam peraturan 8 menurut subseksyen 25(1) Akta;

“parameter” ertinya apa-apa faktor yang ditunjukkan dalam ruang pertama Jadual Kedua;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta atau mana-mana pegawai lain yang kepadanya Ketua Pengarah telah mewakilkan kuasanya di bawah seksyen 49 Akta;

“pencairan” ertinya apa-apa proses yang menjadikan kumbahan kurang pekat dengan menambahkan air atau cecair lain dari sumber luar selain cecair atau bahan yang digunakan untuk pengolahan kumbahan itu;

“pemantauan prestasi” ertinya pemantauan rutin ciri-ciri tertentu bagi menyediakan suatu petunjuk bahawa proses pengolahan adalah berfungsi dan berupaya mengolah kumbahan;

“bilangan penduduk setara” ertinya setara dari segi bilangan penduduk tetap yang berubah atau bilangan penduduk yang tinggal sementara atau aktiviti lain, sebagai contoh perindustrian atau perdagangan yang menyumbang kepada aliran sistem pengolahan kumbahan;

“sistem pengolahan kumbahan” ertinya apa-apa kemudahan yang direka bentuk dan dibina bertujuan untuk mengurangkan potensi kumbahan yang menyebabkan pencemaran.

(2) Perkataan dan ungkapan yang tidak ditakrifkan di dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah mempunyai pengertian yang sama dengan pengertian yang diberikan kepadanya dalam Akta.

Pemakaian

3. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada premis yang membuang kumbahan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia, selain mana-mana pembangunan perumahan atau perdagangan atau kedua-duanya yang mempunyai bilangan penduduk setara yang kurang daripada seratus lima puluh.

Pemberitahuan bagi punca baru pembuangan atau pelepasan kumbahan

4. (1) Tiada seorang pun boleh, tanpa pemberitahuan bertulis terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah, membuang atau melepaskan atau membenarkan pembuangan atau pelepasan kumbahan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia.

(2) Pemberitahuan bertulis kepada Ketua Pengarah yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Penyediaan dan pengendalian yang betul sistem pengolahan kumbahan

5. (1) Seseorang pemunya atau penghuni mana-mana premis hendaklah mengendalikan dan menyenggara sistem pengolahan kumbahan mengikut amalan kejuruteraan yang baik bagi pengolahan kumbahan dan memastikan bahawa semua komponen sistem pengolahan dalam keadaan yang baik.

(2) Dalam peraturan ini, “amalan kejuruteraan yang baik” ertinya cara yang dengannya suatu sistem pengolahan kumbahan dikendalikan yang ciri-ciri pengendalian disenggarakan dalam nilai julat normal yang biasa digunakan bagi pengolahan kumbahan.

Orang yang berwibawa

6. (1) Pengendalian sistem pengolahan kumbahan hendaklah diawasi oleh orang yang berwibawa.

(2) Orang yang berwibawa ialah seseorang yang telah diperakui oleh Ketua Pengarah bahawa dia sewajarnya layak untuk mengawasi pengendalian sistem pengolahan kumbahan.

(3) Seseorang pemunya atau penghuni mana-mana premis hendaklah memastikan bahawa orang yang berwibawa bertugas pada bila-bila masa sistem pengolahan kumbahan sedang beroperasi.

Syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan kumbahan

7. (1) Tiada seorang pun boleh membuang kumbahan yang mengandungi bahan yang mempunyai kepekatan melebihi had—

- (a) Standard A, sebagaimana yang ditunjukkan dalam perenggan (i) Jadual Kedua, bagi sistem pengolahan kumbahan baru yang membuang ke dalam mana-mana perairan pedalaman dalam kawasan tadahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (b) Standard B, sebagaimana yang ditunjukkan dalam perenggan (i) Jadual Kedua, bagi sistem pengolahan kumbahan baru yang membuang ke dalam mana-mana perairan pedalaman yang lain atau perairan Malaysia;
- (c) Standard A, sebagaimana yang ditunjukkan dalam perenggan (ii) Jadual Kedua, bagi sistem pengolahan kumbahan yang ada yang membuang ke dalam mana-mana perairan pedalaman dalam kawasan tadahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (d) Standard B, sebagaimana yang ditunjukkan dalam perenggan (ii) Jadual Kedua, bagi sistem pengolahan kumbahan yang ada yang membuang ke dalam mana-mana perairan pedalaman yang lain atau perairan Malaysia;
- (e) Standard A, sebagaimana yang ditunjukkan dalam perenggan (iii) Jadual Kedua, bagi sistem pengolahan kumbahan yang ada yang membuang ke dalam mana-mana perairan pedalaman dalam kawasan tadahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; atau
- (f) Standard B, sebagaimana yang ditunjukkan dalam perenggan (iii) Jadual Kedua, bagi sistem pengolahan kumbahan yang ada yang membuang ke dalam mana-mana perairan pedalaman yang lain atau perairan Malaysia.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis hendaklah mengemukakan suatu program kepada Ketua Pengarah dan melaksanakan program itu bagi memastikan semua sistem pengolahan kumbahan yang ada, kecuali tangki septik komunal dan tangki imhoff—

- (a) yang membuang kumbahan ke dalam mana-mana perairan pedalaman dalam kawasan tadahan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga, mematuhi Standard A sebagaimana yang ditunjukkan dalam perenggan (i) Jadual Kedua pada atau sebelum 31 Disember 2016; dan

(b) yang membuang kumbahan ke dalam mana-mana perairan pedalaman yang lain atau perairan Malaysia, mematuhi Standard B sebagaimana yang ditunjukkan dalam perenggan (i) Jadual Kedua pada atau sebelum 31 Disember 2019.

(3) Dalam peraturan ini—

(a) “sistem pengolahan kumbahan baru” ertinya suatu sistem pengolahan kumbahan yang dibina selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini; dan

(b) “sistem pengolahan kumbahan yang ada” ertinya suatu sistem pengolahan kumbahan yang diluluskan antara tempoh selepas Januari 2009, sehingga sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

Lesen untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan kumbahan

8. (1) Seseorang pemunya atau penghuni premis boleh memohon untuk lesen di bawah subseksyen 25(1) Akta untuk melanggar syarat-syarat yang boleh terima bagi pembuangan kumbahan sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 5.

(2) Permohonan bagi lesen di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat mengikut tatacara sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pelesenan) 1977 [P.U. (A) 198/1977] dan hendaklah disertakan dengan—

(a) laporan mengenai kajian penyifatan kumbahan; dan

(b) fi lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 24.

Kaedah penganalisan dan pensampelan kumbahan

9. (1) Seseorang pegawai diberi kuasa boleh menjalankan analisis kumbahan *in-situ* atau *ex-situ* menggunakan mana-mana instrumen yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Penganalisan kumbahan yang dibuang atau dilepaskan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia hendaklah dijalankan mengikut mana-mana kaedah yang terkandung dalam penyiaran sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

(3) Analisis kumbahan yang disebut dalam peraturan ini hendaklah berasaskan sampel cekau.

- (4) Dalam peraturan ini—
- (a) “analisis *in-situ*” ertinya analisis yang dijalankan ke atas sampel kumbahan yang tidak dibawa keluar dari lokasinya atau dijalankan di tapak di mana sampel itu telah diambil;
 - (b) “analisis *ex-situ*” ertinya analisis yang dijalankan ke atas sampel kumbahan yang telah dikeluarkan dari lokasinya dan dijalankan di tapak yang berlainan daripada tapak di mana sampel itu telah diambil; dan
 - (c) “sampel cekau” ertinya sampel individu diskret yang diambil dalam tempoh masa kurang daripada lima belas minit.

Pemantauan pembuangan kumbahan

10. (1) Seseorang pemunya atau penghuni sesuatu premis yang membuang kumbahan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia hendaklah, dengan perbelanjaan sendiri—

- (a) memantau kepekatan parameter yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual Kedua; dan
- (b) memasang meter kadar-aliran, kelengkapan pensampelan dan kelengkapan perekodan.

(2) Pemunya atau penghuni premis itu hendaklah menyenggara suatu rekod data pemantauan pembuangan kumbahan dalam borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Pemunya atau penghuni premis itu hendaklah mengemukakan rekod pertama data pemantauan pembuangan kumbahan kepada Ketua Pengarah dalam masa tiga puluh hari selepas permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini dan laporan yang berikutnya hendaklah dikemukakan dalam tiga puluh hari selepas berakhirnya bulan kalendar bagi laporan bulan terdahulu.

(4) Rekod data pemantauan pembuangan kumbahan hendaklah dijadikan tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa.

Petunjuk pembuangan kumbahan

11. (1) Petunjuk pembuangan kumbahan hendaklah mematuhi spesifikasi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keenam dan hendaklah ditandakan dengan jelas oleh pemunya atau penghuni premis di atas pelan susun atur dan lukisan kejuruteraan yang diperakui oleh jurutera profesional.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis itu hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah pelan susun atur dan lukisan kejuruteraan yang disebut dalam subperaturan (1) dalam masa tiga puluh hari sebelum mula berkuat kuasanya pengendalian di premis.

(3) Jika pemunya atau penghuni premis itu bercadang untuk membuat apa-apa perubahan atau perubahan kepada lokasi atau kedudukan petunjuk pembuangan atau reka bentuk saluran keluar di petunjuk pembuangan kumbahan, dia hendaklah memaklumkan Ketua Pengarah dalam masa tiga puluh hari sebelum membuat apa-apa perubahan atau perubahan.

Larangan terhadap pembuangan kumbahan melalui pintasan

12. (1) Tiada seorang pun boleh membuang atau menyebabkan atau membenarkan kumbahan dibuang ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia melalui pintasan.

(2) Dalam peraturan ini, "pintasan" ertinya apa-apa lencongan pembuangan kumbahan secara sengaja daripada mana-mana bahagian sistem pengolahan kumbahan.

Tumpahan atau pembuangan yang tidak sengaja kumbahan

13. (1) Dalam keadaan terjadi apa-apa tumpahan atau pembuangan kumbahan yang tidak sengaja dari mana-mana premis, sama ada secara terus atau tidak terus dapat masuk atau mungkin masuk ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia, pemunya atau penghuni premis itu hendaklah dengan segera dan tidak lebih daripada enam jam daripada masa berlakunya kejadian itu memaklumkan Ketua Pengarah mengenai kejadian itu.

(2) Seseorang pemunya atau penghuni premis itu hendaklah, setakat yang munasabah, membendung, membersihkan atau mengurangkan tumpahan atau pembuangan kumbahan yang tidak sengaja itu mengikut cara yang memuaskan hati Ketua Pengarah.

(3) Ketua Pengarah boleh dalam apa-apa kes tertentu, jika dia fikirkan perlu untuk berbuat demikian, menyatakan cara tumpahan atau pembuangan yang tidak sengaja dibendung, dibersihkan atau dikurangkan dan pemunya atau penghuni premis itu hendaklah mematuhi spesifikasi itu.

(4) Ketua Pengarah hendaklah menentukan apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa tumpahan atau pembuangan yang tidak sengaja dan boleh mendapatkan semula semua kos dan perbelanjaan daripada pemunya atau penghuni premis itu.

(5) Jika Ketua Pengarah mengaku janji untuk membersihkan atau mengurangkan tumpahan atau pembuangan yang tidak sengaja itu, dia hendaklah menentukan kos dan perbelanjaan penuh yang ditanggung dan boleh mendapatkan semula kos dan perbelanjaan itu daripada pemunya atau penghuni premis itu mengikut peruntukan seksyen 47 Akta.

Larangan terhadap pembuangan enap cemar ke dalam perairan pedalaman atau perairan Malaysia

14. Tiada seorang pun boleh membuang atau menyebabkan atau membenarkan pembuangan enap cemar yang dihasilkan daripada sistem pengolahan kumbahan ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia.

Sekatan pelupusan enap cemar ke atas tanah

15. Tiada seorang pun boleh membuang, atau menyebabkan atau membenarkan pelupusan, enap cemar yang dihasilkan daripada mana-mana sistem pengolahan kumbahan ke atas atau ke dalam tanah atau permukaan tanah tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah terlebih dahulu.

Permohonan untuk melupuskan enap cemar ke atas tanah

16. Permohonan untuk kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah di bawah peraturan 17 hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan sebanyak lima ratus ringgit.

Melaporkan perubahan dalam maklumat yang diberi bagi maksud permohonan lesen

17. Seseorang pemohon bagi suatu lesen atau bagi membaharui atau memindah milik lesen itu hendaklah, dalam masa tujuh hari daripada berlakunya apa-apa perubahan material dalam apa-apa maklumat yang telah diberikan dalam permohonannya atau yang telah diberikan secara bertulis menurut permintaan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 11(2) Akta, memberikan kepada Ketua Pengarah suatu laporan secara bertulis mengenai perubahan itu.

Pempameran lesen

18. Pemegang sesuatu lesen hendaklah mempamerkan lesennya, bersama-sama dengan tiap-tiap dokumen yang menjadi sebahagian daripada lesen itu, di suatu tempat yang mudah dilihat dalam bangunan utama premisnya.

Penerusan syarat-syarat dan sekatan yang ada sekiranya berlaku perubahan dalam penghunian

19. Jika seseorang menjadi penghuni premis berlesen menggantikan orang lain yang memegang lesen yang belum habis tempohnya berkenaan dengan premis itu, maka—

- (a) bagi tempoh empat belas hari selepas perubahan dalam penghunian itu; atau

- (b) jika penghuni baru itu memohon dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) untuk memindah milik lesen itu kepadanya, bagi tempoh daripada perubahan dalam penghunian sehingga penentuan muktamad dibuat mengenai permohonannya,

syarat-syarat dan sekatan lesen itu adalah mengikat penghuni baru itu dan hendaklah dipatuhi olehnya, tanpa mengira dia masih belum menjadi pemegang lesen atau lesen itu mungkin, dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan, telah habis tempohnya.

Penyenggaraan rekod

20. (1) Seseorang pemunya atau penghuni premis yang dilengkapi dengan sistem pengolahan kumbahan hendaklah menyenggara rekod pengendalian, penyenggaraan dan pemantauan prestasi sistem pengolahan kumbahan.

(2) Rekod yang disenggarakan di bawah subperaturan (1) hendaklah dijadikan tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa.

Latihan kakitangan

21. (1) Seseorang pemunya atau penghuni mana-mana premis yang dilengkapi dengan sistem pengolahan kumbahan—

- (a) hendaklah memastikan bahawa kakitangannya menghadiri latihan mengenai keperluan alam sekitar dan amalan yang baik dalam pengendalian dan penyenggaraan sistem pengolahan kumbahan sebelum mereka mula bekerja;
- (b) hendaklah memastikan bahawa latihan untuk kakitangannya termasuklah latihan semula mengenai pengemaskinian kehendak dan tatacara baru, yang dikaji semula dan yang ada; dan
- (c) hendaklah menyenggara rekod latihan yang hendaklah termasuk tarikh latihan, nama dan jawatan kakitangan, penyedia latihan dan perihalan ringkas kandungan latihan.

(2) Rekod di bawah perenggan (1)(c) hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah apabila diminta dan hendaklah dijadikan tersedia untuk pemeriksaan oleh mana-mana pegawai diberi kuasa.

Penyediaan untuk pemeriksaan

22. Seseorang pemunya atau penghuni sesuatu premis yang membuang kumbahan ke atas atau ke dalam mana-mana tanah, atau ke dalam mana-mana perairan pedalaman atau perairan Malaysia hendaklah, berkenaan dengan pembuangan itu, memasang ruang pemeriksaan, meter kadar-aliran, kelengkapan pensampelan, kelengkapan pemantauan, dan kelengkapan pengukuran dan perekodan.

Pemunya atau penghuni hendaklah memberikan bantuan semasa pemeriksaan

23. Seseorang pemunya atau penghuni mana-mana premis hendaklah menyediakan Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa tiap-tiap bantuan yang munasabah dan kemudahan tersedia di premis, termasuklah buruh, kelengkapan, alat dan instrumen yang mungkin dikehendaki oleh Ketua Pengarah atau pegawai diberi kuasa bagi maksud mengambil apa-apa tindakan.

Fi lesen

24. (1) Fi bagi sesuatu lesen, termasuklah pembaharuan dan pindah milik lesen, adalah lima ratus ringgit dan penambahan fi lesen berkaitan dengan kumbahan yang dikira mengikut kaedah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh.

(2) Fi bagi sesuatu lesen termasuklah pembaharuan dan pindah milik lesen sebanyak lima ratus ringgit hendaklah disertakan dengan permohonan dan tidak boleh dikembalikan.

(3) Fi lesen berkaitan dengan kumbahan tidak perlu dibayar sehingga diminta.

Penepian fi

25. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa penyelidikan mengenai pengolahan atau pelupusan kumbahan yang sedang atau akan dijalankan di premis yang berlesen mungkin memberi faedah bagi perlindungan alam sekitar, dia boleh dengan kelulusan Menteri, mengenenepkan sepenuhnya, atau sebahagiannya, mana-mana fi yang berkaitan dengan kumbahan yang kena dibayar menurut peraturan 24.

(2) Dalam memutuskan takat penepian itu, Ketua Pengarah adalah dipandu oleh pertimbangan muatan pencemaran kumbahan yang dibuang atau yang akan dibuang.

Penalti

26. Mana-mana orang yang melanggar peraturan 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 22 dan 23 melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas notis oleh Ketua Pengarah menghendakinya untuk memberhentikan perbuatan yang dinyatakan dalam notis itu telah diserahkan kepadanya.

Peruntukan pembatalan, peralihan dan kecualian

27. (1) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Efluen-Efluen Perindustrian) 1979 [*P.U. (A) 12/1979*] dibatalkan (selepas ini disebut sebagai “Peraturan-Peraturan yang dibatalkan”).

(2) Apa-apa permohonan yang dibuat di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan bagi suatu lesen untuk melanggar syarat-syarat yang boleh diterima, pembaharuan atau pindah milik lesen atau kebenaran bertulis yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diperlakukan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan itu dan bagi maksud itu hendaklah dianggap seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

(3) Semua lesen yang dikeluarkan atau kebenaran bertulis yang diberikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, terus kekal berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dibatalkan, atau kebenaran bertulis itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan bagi maksud itu hendaklah dianggap seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

(4) Peruntukan Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang berhubungan dengan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan kumbahan hendaklah terus terpakai sehingga dua belas bulan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini jika pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini—

- (a) apa-apa kerja ke atas apa-apa pembinaan apa-apa sistem pengolahan kumbahan yang belum dimulakan dalam dua belas bulan daripada tarikh kebenaran bertulis dikeluarkan untuk pembinaan itu sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini;
- (b) apa-apa kerja ke atas apa-apa pembinaan apa-apa sistem pengolahan kumbahan telah dimulakan tetapi belum siap dibina sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini; atau
- (c) apa-apa kerja ke atas apa-apa pembinaan apa-apa sistem pengolahan kumbahan yang telah siap dibina tetapi belum mula beroperasi sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(5) Jika pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, mana-mana premis yang membuang kumbahan ke dalam mana-mana perairan pedalaman yang tidak dinyatakan sebagai kawasan tadahan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, peruntukan Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang berhubungan dengan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan kumbahan hendaklah terus terpakai kepada pembuangan kumbahan itu sehingga dua belas bulan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(6) Walau apa pun yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini, apabila tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, berhubung dengan pembuangan kumbahan daripada mana-mana sistem pengolahan kumbahan, selain tangki septik komunal dan tangki imhoff—

- (a) peruntukan Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang berhubungan dengan syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan kumbahan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (ii) dan (iii) Jadual Kedua bagi Standard A hendaklah terpakai sehingga 31 Disember 2016; dan
- (b) peruntukan Peraturan-Peraturan yang dibatalkan yang berhubungan dengan syarat-syarat yang boleh diterima pembuangan kumbahan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (ii) dan (iv) Jadual Kedua bagi Standard B hendaklah terpakai sehingga 31 Disember 2019.

(7) Apa-apa prosiding, sama ada sivil atau jenayah, yang dimulakan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan masih belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, diteruskan dan diselesaikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan dan bagi maksud itu hendaklah dianggap seolah-olah Peraturan-Peraturan ini tidak dibuat.

JADUAL PERTAMA

(Peraturan 4)

PEMBERITAHUAN BAGI PUNCA BARU PEMBUANGAN ATAU PELEPASAN KUMBAHAN

SEKSYEN I

PENGENALAN PREMIS

1. (i) Nama dan alamat premis:.....

Alamat surat menyurat (jika berlainan daripada di atas):

Nombor telefon:Nombor faks:.....

(ii) Nombor rujukan fail Jabatan Alam Sekitar (jika berkenaan):

SEKSYEN II

PERIHALAN PREMIS

2. (i) Perihal premis/projek pembangunan
(Sila tandakan \checkmark dalam kotak yang berkaitan di bawah)

(a) Perumahan/ Kediaman	<input type="checkbox"/>	(b) Perdagangan	<input type="checkbox"/>
(c) Estet perindustrian	<input type="checkbox"/>	(d) Bercampur (perdagangan campur kediaman)	<input type="checkbox"/>
(e) Bercampur (industri campur perdagangan)	<input type="checkbox"/>	(f) Bercampur (industri campur kediaman)	<input type="checkbox"/>
(g) Hotel	<input type="checkbox"/>	(h) Tempat peranginan	<input type="checkbox"/>
(i) Lain-lain	<input type="checkbox"/>		

Sila perihalkan:

- (ii) Saiz premis/projek pembangunan
(Sila perihalkan saiz premis/projek pembangunan dari segi bilangan penduduk setara dan perihalan lain seperti jumlah unit, jumlah bilik, keluasan tanah dll., mana-mana yang berkenaan)

Bilangan penduduk setara:

Jumlah unit:

Jumlah bilik:

Keluasan tanah (ekar):

Maklumat lain:

SEKSYEN III

MAKLUMAT MENGENAI SISTEM PENGOLAHAN KUMBAHAN

3. (i) Jenis sistem pengolahan
(Sila tandakan \checkmark dalam kotak yang berkaitan di bawah)

(a) Sistem Enap Cemar Teraktif Konvensional	<input type="checkbox"/>	(b) Kolam Oksidasi	<input type="checkbox"/>
(c) Sistem Enap Cemar Teraktif Pengudaraan Lanjut	<input type="checkbox"/>	(d) Longkang Oksidasi	<input type="checkbox"/>

- (e) Kontaktor Biologi Berpusing (f) Penapis Meleleh
- (g) Reaktor Berturutan Berkelompok
- (h) Lain-lain

Sila perihalkan:.....

SEKSYEN IV

MAKLUMAT PEMBUANGAN

4. (i) Di manakah kumbahan terolah (iaitu kumbahan terakhir) dibuang?
 (Sila tandakan \checkmark dalam kotak yang berkaitan di bawah)

(a) Saluran air
 Nama saluran air:

(b) Tasik
 Nama tasik:

(c) Laut
 Nama laut:

(d) Muara
 Nama muara:

(e) Lain-lain
 Sila perihalkan:.....

(ii) Lokasi petunjuk pelepasan
 Latitud:..... Longitud:.....

SEKSYEN V

AKUAN

Saya.....dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya.

Tandatangan orang yang bertanggungjawab:

.....

Nama:

Jawatan:

Tarikh :

(Capkan meterai atau cap rasmi syarikat)

JADUAL KEDUA

(Peraturan 7)

SYARAT-SYARAT YANG BOLEH DITERIMA BAGI PEMBUANGAN KUMBAHAN
STANDARD A DAN B

(i) Sistem pengolahan kumbahan baru

Parameter (1)	Unit (2)	Standad	
		A (3)	B (4)
(a) Suhu	°C	40	40
(b) Nilai pH	-	6.0-9.0	5.5-9.0
(c) BOD ₅ pada 20°C	mg/L	20	50
(d) COD	mg/L	120	200
(e) Pepejal Terampai	mg/L	50	100
(f) Minyak dan Gris	mg/L	5.0	10.0
(g) Nitrogen Ammonia (badan air yang terkepung)	mg/L	5.0	5.0
(h) Nitrogen Ammonia (sungai)	mg/L	10.0	20.0
(i) Nitrogen Nitrat (sungai)	mg/L	20.0	50.0
(j) Nitrogen Nitrat (badan air yang terkepung)	mg/L	10.0	10.0
(k) Fosforus (badan air yang terkepung)	mg/L	5.0	10.0

Nota: Standard A terpakai kepada pembuangan ke dalam mana-mana perairan pedalaman dalam kawasan tadahan yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga, manakala Standard B terpakai kepada mana-mana perairan pedalaman yang lain atau perairan Malaysia.

(ii) Sistem pengolahan kumbahan sedia ada (diluluskan sebelum Januari 1999)

Kategori ini merujuk kepada semua sistem pengolahan kumbahan yang telah diluluskan sebelum *Guidelines for Developers: Sewerage Treatment Vol. IV, 2nd edition* dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bermula Januari 1999. Di bawah ialah syarat-syarat yang boleh diterima bagi pembuangan kumbahan mengikut jenis sistem pengolahan kumbahan:

Parameter (1)	Unit (2)	Jenis sistem pengolahan kumbahan									
		Tangki Septik Komunal		Tangki Imhoff		Lagun Pengudaraan		Kolam Oksidasi		Sistem Mekanikal	
		A (3)	B (4)	A (5)	B (6)	A (7)	B (8)	A (9)	B (10)	A (11)	B (12)
(a) BOD ₅ pada 20°C	mg/L	200	200	175	175	100	100	120	120	60	60
(b) COD	mg/L	-	-	-	-	300	300	360	360	180	240
(c) Pepejal Terampai	mg/L	180	180	150	150	120	120	150	150	100	120
(d) Minyak dan Gris	mg/L	-	-	-	-	-	-	-	-	20	20
(e) Nitrogen Ammonia	mg/L	-	-	100	100	80	80	70	70	60	60

Nota:

1. Standard A terpakai kepada pembuangan ke dalam mana-mana perairan pedalaman dalam kawasan tadahan yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga, manakala Standard B terpakai kepada mana-mana perairan pedalaman yang lain atau perairan Malaysia.
2. Standard ini adalah terpakai kepada sistem pengolohan kumbahan yang mungkin telah dibina sebelum 1999 berdasarkan kelulusan yang diberikan oleh agensi lain, selain Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

(iii) **Sistem pengolohan kumbahan yang ada (diluluskan selepas Januari 1999)**

Semua sistem pengolohan kumbahan yang telah diluluskan selepas *Guidelines for Developers: Sewerage Treatment Vol. IV, 2nd edition* dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bermula Januari 1999 sehingga tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

	Parameter	Unit	Standard	
			A	B
(a)	BOD ₅ pada 20°C	mg/L	20	50
(b)	COD	mg/L	120	200
(c)	Pepejal Terampai	mg/L	50	100
(d)	Minyak dan Gris	mg/L	20	20
(e)	Nitrogen Ammonia	mg/L	50	50

Nota: Standard A terpakai kepada pembuangan ke dalam mana-mana perairan pedalaman dalam kawasan tadahan yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga, manakala Standard B terpakai kepada mana-mana perairan pedalaman yang lain atau perairan Malaysia.

JADUAL KETIGA

(Peraturan 7)

SENARAI KAWASAN TADAHAN YANG STANDARD A TERPAKAI

1. Kawasan tadahan yang disebut dalam Peraturan-Peraturan ini adalah di kawasan hulu sungai di permukaan atau di bahagian atas permukaan pengambilan pembekalan air, bagi maksud kegunaan manusia termasuk air minuman.
2. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, pengambilan pembekalan air hendaklah termasuk pengambilan pembekalan air awam yang dinyatakan di bawah:

(1) **Negeri Johor**

Tempat Pengambilan Air		Nama Sungai/ Kolam Air/Telaga	Skim Pembekalan Air
(1)	(2)	(3)	(3)
Longitud (Timur)	Latitud (Utara)		
102° 40' 12"	2° 39' 29"	Sg. Muar	Segamat
102° 55' 37"	2° 32' 57"	Sg. Segamat	Segamat
102° 03' 10"	2° 28' 02"	Sg. Jauseh	Segamat
102° 03' 10"	2° 28' 02"	Sg. Jauseh	Segamat

<i>Tempat Pengambilan Air</i>		<i>Nama Sungai/ Kolam Air/Telaga</i>	<i>Skim Pembekalan Air</i>
(1)		(2)	(3)
<i>Longitud (Timur)</i>	<i>Latitud (Utara)</i>		
102° 39' 57"	2° 25' 29"	Sg. Jementah	Segamat
102° 49' 55"	2° 21' 01"	Sg. Muar	Muar
102° 47' 11"	2° 18' 11"	Sg. Muar	Muar
102° 48' 40"	2° 14' 59"	Sg. Muar	Muar
102° 44' 58"	2° 12' 04"	Sg. Muar	Muar
102° 44' 03"	2° 10' 49"	Sg. Muar	Muar
103° 05' 03"	1° 53' 09"	Sg. Sembrong/ Sg. Bekok Transf	Batu Pahat
103° 32' 24"	2° 12' 03"	Sg. Kahang	Kluang
103° 26' 55"	2° 05' 27"	Sg. Kahang	Kluang
103° 40' 14"	2° 35' 15"	Labong Dam	Mersing
103° 47' 31"	2° 30' 22"	Conggok Dam	Mersing
103° 39' 22"	2° 23' 13"	Sg. Lenggong	Mersing
103° 54' 07"	2° 02' 11"	Sg. Sedili Besar	Mersing
103° 51' 16"	2° 16' 27"	Bekas Lombong	Mersing
104° 02' 52"	1° 53' 38"	Sg. Gembut	Kota Tinggi
103° 49' 50"	1° 49' 52"	Sg. Pelepah	Kota Tinggi
103° 43' 19"	1° 48' 01"	Sg. Linggiu	Kota Tinggi
103° 40' 05"	1° 48' 14"	Sg. Sayong	Kota Tinggi
103° 40' 05"	1° 48' 14"	Sg. Sayong	Kota Tinggi
103° 35' 28"	1° 51' 28"	Sg. Penggeli	Kota Tinggi
104° 08' 08"	1° 44' 39"	Sg. Sedili Kecil	Kota Tinggi
104° 12' 13"	1° 32' 30"	Lebam Dam	Kota Tinggi
103° 46' 58"	1° 44' 47"	Sg. Johor	Kota Tinggi
103° 27' 09"	1° 43' 12"	Sg. Pontian Besar	Johor Bahru
103° 54' 43"	1° 33' 22"	Layang Dam	Johor Bahru
103° 50' 14"	1° 44' 07"	Sg. Johor	Johor Bahru
103° 21' 54"	2° 03' 35"	Sg. Sembrong	Kluang
103° 11' 01"	1° 58' 23"	Sembrong Dam	Kluang
103° 17' 47"	1° 49' 33"	Sg. Benut	Kluang
103° 03' 10"	2° 00' 57"	Sg. Bekok Transf	Batu Pahat
104° 03' 12"	2° 00' 54"	Sg. Bekok Transf	Batu Pahat
103° 05' 57"	1° 52' 33"	Sg. Sembrong	Batu Pahat
102° 44' 03"	2° 10' 49"	Sg. Muar	Muar
102° 44' 05"	2° 10' 48"	Sg. Muar	Muar
102° 44' 05"	2° 10' 48"	Sg. Muar	Muar

<i>Tempat Pengambilan Air</i>		<i>Nama Sungai/ Kolam Air/Telaga</i>	<i>Skim Pembekalan Air</i>
(1)		(2)	(3)
<i>Longitud (Timur)</i>	<i>Latitud (Utara)</i>		
102° 34' 56"	2° 19' 37"	Ledang Dam	Muar
102° 50' 09"	2° 31' 07"	Sg. Segamat	Segamat
102° 50' 17"	2° 31' 12"	Sg. Segamat	Segamat
102° 49' 59"	2° 30' 55"	Sg. Segamat	Segamat
103° 03' 11"	2° 28' 01"	Sg. Jauseh	Segamat
103° 52' 24"	1° 44' 42"	Sg. Johor	PUB Singapura
103° 39' 40"	1° 33' 30"	Sg. Skudai	PUB Singapura
103° 34' 14"	1° 32' 30"	Pulai Dam	PUB Singapura
103° 44' 24"	1° 33' 00"	Sg. Tebrau	PUB Singapura

(2) **Negeri Pahang**

<i>Tempat Pengambilan Air</i>		<i>Nama Sungai/ Kolam Air/Telaga</i>	<i>Skim Pembekalan Air</i>
(1)		(2)	(3)
<i>Longitud (Timur)</i>	<i>Latitud (Utara)</i>		
102° 27' 00"	3° 41' 00"	Sg. Pahang	Batu Sawar
102° 37' 00"	3° 26' 00"	Sg. Pahang	Bukit Kertau
102° 36' 00"	3° 30' 00"	Sg. Pahang	Chenor
102° 39' 00"	3° 44' 45"	Sg. Jempol	Ulu Jempol
102° 40' 00"	3° 41' 00"	Sg. Jempol	Jengka 3-7
102° 51' 00"	3° 38' 00"	Sg. Liut	Kg. New Zealand
102° 39' 00"	3° 40' 00"	Sg. Jempol	Simpang Jengka
102° 40' 00"	3° 47' 00"	Sg. Jerik	Rumah Pam Sg. Jerik
102° 56' 00"	3° 20' 00"	Sg. Mentiga	Cini
192° 59' 00"	2° 56' 00"	Sg. Keratung	Paluh Rumbek
102° 32' 48"	3° 07' 63"	Sg. Aur	Aur
102° 51' 27"	2° 50' 51"	Sg. Keratung	Keratung
103° 23' 00"	3° 30' 15"	Sg. Pahang	Kg. Mengkasar
103° 10' 00"	3° 33' 00"	Sg. Pahang	Lepar/Pulau Manis
103° 26' 00"	3° 08' 00"	Ground Water	Nenasi
103° 23' 30"	3° 30' 54"	Sg. Pahang	Peramu
103° 19' 00"	3° 35' 00"	Sg. Pahang	Sekor
101° 53' 00"	3° 41' 00"	Sg. Bilut	Bilut
101° 45' 00"	3° 44' 00"	Sg. Hijau	Rumah Pam Bukit Fraser

<i>Tempat Pengambilan Air</i>		<i>Nama Sungai/ Kolam Air/Telaga</i>	<i>Skim Pembekalan Air</i>
(1)	(2)	(3)	(4)
<i>Longitud (Timur)</i>	<i>Latitud (Utara)</i>		
101° 49' 00"	3° 56' 00"	Sg. Cheroh	Cheroh
101° 58' 00"	3° 55' 00"	Sg. Keloi	Dong
101° 49' 00"	4° 19' 00"	Sg. Jelai	Rumah Pam Kuala Medang
102° 01' 00"	3° 42' 00"	Sg. Pertang	Lembah Klau
101° 51' 30"	3° 45' 24"	Sg. Bilut	Raub
101° 59' 00"	3° 44' 30"	Sg. Chalit	Rumah Pam Sg. Chalit
102° 00' 00"	3° 46' 00"	Sg. Kelau	Sg. Klau
101° 48' 30"	3° 44' 00"	Sg. Teras	Teras
101° 47' 45"	4° 12' 30"	Sg. Koyan	Rumah Pam Sg. Koyan
103° 29' 36"	3° 48' 24"	Ground Water	Rompin
103° 26' 35"	2° 37' 15"	Empangan Sg. Anak Endau	Loji Air Seladang
102° 10' 30"	3° 31' 00"	Sg. Semantan	Bukit Damar
102° 18' 00"	3° 18' 00"	Sg. Teriang	Bukit Mendi
102° 30' 00"	2° 18' 00"	Sg. Bera	Bera
102° 33' 00"	3° 24' 00"	Sg. Pahang	Charuk Puting
102° 22' 00"	2° 45' 00"	Sg. Kerau	Jenderak Utara
102° 26' 00"	2° 30' 00"	Sg. Pahang	Lubuk Kawah
102° 23' 00"	3° 31' 00"	Sg. Semantan	Mentakab
101° 24' 30"	3° 14' 30"	Sg. Teriang	Triang (Baru)
101° 55' 00"	3° 29' 00"	Sg. Benus	Bt. 4, Jln. KL/ Bentong
101° 53' 00"	3° 20' 00"	Sg. Benus	Janda Baik
102° 03' 00"	3° 26' 00"	Sg. Temelong	Karak
101° 53' 00"	3° 41' 00"	Sg. Bilut	Lurah Bilut
102° 07' 10"	3° 15' 20"	Sg. Gapoi	Sg. Gapoi
101° 54' 00"	3° 39' 00"	Sg. Penjuring	Sg. Penjuring
102° 00' 30"	3° 33' 00"	Sg. Kelau	Sg. Sertik
101° 23' 30"	4° 31' 20"	Sg. Bertam	Brinchang
101° 25' 00"	4° 34' 00"	Sg. Perlong	Kuala Terla
101° 21' 00"	4° 27' 00"	Sg. Jasin	Lubok Tamang

<i>Tempat Pengambilan Air</i>		<i>Nama Sungai/ Kolam Air/Telaga</i>	<i>Skim Pembekalan Air</i>
(1)		(2)	(3)
<i>Longitud (Timur)</i>	<i>Latitud (Utara)</i>		
101° 24' 10"	4° 24' 35"	Sg. Bertam	Takong Empangan Bertam Valley
101° 23' 50"	4° 26' 20"	Sg. Luchut	Takong Empangan Habu
101° 24' 20"	3° 34' 40"	Sg. Ikan	Takong Empangan Kg. Raja
101° 21' 40"	4° 24' 20"	Sg. Ringlet	Takong Empangan Ringlet
101° 25' 3"	4° 30' 02"	Sg. Triangkap	Takong Empangan Tringkap
102° 11' 00"	4° 00' 00"	Sg. Cheka	Batu Balai
102° 21' 42"	3° 57' 30"	Sg. Pahang	Batu Embun
102° 28' 00"	3° 53' 00"	Sg. Tekam	Jengka 8-15
102° 19' 00"	4° 03' 00"	Sg. Retang	Padang Piol
102° 31' 48"	3° 52' 00"	Sg. Tekam	Sg. Tekam
102° 33' 42"	3° 50' 00"	Sg. Tekam	Sg. Tekam Utara
102° 16' 00"	4° 05' 00"	Sg. Jelai	Mela
102° 11' 00"	4° 12' 00"	Sg. Jelai	Bt. 9 Halt
101° 58' 00"	4° 02' 00"	Sg. Lipis	Benta
101° 59' 00"	4° 14' 25"	Sg. Jelai	Bukit Betong
102° 02' 10"	4° 10' 20"	Sg. Lipis	Kuala Lipis
102° 01' 00"	4° 38' 00"	Sg. Merapoh	Rumah Pam Merapoh
102° 06' 00"	4° 19' 00"	Sg. Temau	Rumah Pam Sg. Temau
103° 22' 00"	3° 51' 00"	Sg. Jabor	Rumah Pam Alor Batu
103° 21' 00"	4° 01' 00"	Sg. Ular	Baru Sg. Ular
103° 12' 00"	3° 53' 00"	Sg. Riau	Bukit Goh
103° 15' 34"	3° 49' 42"	Sg. Kuantan	Bukit Ubi/Kg. Kobat
